

10 pasukan bakal sertai Tarik Tali Se- Borneo Tamu Gadang UMS Labuan 2016

UB 11.11.2016 A16
LABUAN: Sebanyak 10 pasukan bakal menyertai pertandingan Tarik Tali Se-Borneo Piala Pengarah UMSKAL sempena Tamu Gadang UMS Labuan 2016 yang akan diadakan pada 20 November ini.

Penyelaras program Mazlan Jumat berkata pasukan itu ialah dari Kota Kinabalu, Sipitang, Menombok, Papar, Keningau, Tambunan, Limbang dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, oleh kerana tarikh tutup pada 19 November, pihak penganjur masih menunggu penyertaan dari Brunei Darussalam.

"Kami menjangka mampu menarik 14 pasukan tarik tali dari Sabah, Sarawak dan Brunei selain Labuan sendiri pada tahun ini," katanya.

Mazlan berkata, johan akan menerima wang tunai sebanyak RM3,000, naib johan RM1,500, ketiga RM750 dan keempat RM400.

Katanya, johan akan turut membawa pulang piala dan medal serta sijil manakala pemenang lain akan menerima sijil dan medal.

Kata Mazlan, pertandingan itu akan diadili pengadil daripada Persatuan Tarik Tali Malaysia (MTWA) sekaligus akan memperkenalkan peraturan baru mengenai pertandingan mengikut standard dunia.

Pada masa sama Mazlan berkata, pihaknya akan



mengadakan kursus teknikal dan pengadilan tarik tali Gred 3 (Tahap 1) anjuran MTWA dengan kerjasama Persatuan Tarik Tali Labuan (LTWA) dan UMS Labuan pada 17-19 November.

"Seramai 40 peserta dari Sabah, Sarawak, Brunei dan Labuan akan menyertai kursus tiga hari itu yang akan dikendalikan Persatuan Tarik Tali Malaysia. Kursus itu pertama kali diadakan di Labuan," katanya.

Sementara itu, beliau yang juga Presiden Persatuan Tarik Tali Labuan tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik kerana memberikan komitmen yang padu sehingga pertandingan itu berjaya diadakan buat kali kedua.

Oleh itu, beliau mengajak penggemar tarik tali menyaksikan pertandingan itu yang akan diadakan di Padang UMS Labuan pada 20 November bermula pukul 8 pagi.